

Kolej Vokasional penuhi tuntutan tenaga mahir

Oleh SHARAIMI SHAIK
AHMEDULLAH
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 JUN

SEJAK program vokasional diberi nafas baharu melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) pada tahun 2012, tanggapan negatif sesetengah pihak kononnya aliran tersebut tidak mempunyai masa depan yang cerah telah berjaya ditangani.

Menerusi projek rintis dengan mewujudkan sebanyak 15 buah Kolej Vokasional di setiap negeri, aliran pendidikan vokasional semakin diterima ramai dan telah diangkat sama tahap dengan aliran perdana.

Lebih membanggakan, pelajar-pelajar kolej tersebut bukan sahaja memperoleh tahap kemahiran yang tinggi malah, berjaya menarik minat pihak industri selepas berjaya menamatkan latihan industri melalui latihan bekerja dalam industri atau *on the job training* (OJT).

Menurut Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan, Zainuren Mohd. Nor, langkah itu sekali gus memberi impak dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang diperlukan industri di negara ini.

Beliau berkata, perkara itu terbukti apabila 30 peratus daripada 2,608 orang pelajar dari 15 buah Kolej Vokasional rintis sudah ditawarkan pekerjaan dalam industri walaupun belum menerima Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang dijangka diterima dalam majlis konvokesyen bulan Ogos ini.

"Pelaksanaan OJT ini semasa empat bulan terakhir merupakan syarat wajib bagi pelajar diploma berkenaan untuk memberi peluang kepada mereka meningkatkan lagi kemahiran sekali gus, merasa sendiri pengalaman berada di alam pekerjaan."

"Menerusi OJT ini, penilaian dibuat bagi melihat kompetensi pelajar sama ada mereka memenuhi kehendak pihak industri atau sebaliknya dan bagi mereka yang berjaya akan ditawarkan pekerjaan manakala yang tahap kompetensi masih kurang akan terus membuat latihan industri walaupun sudah tamat OJT," katanya kepada *Utusan*



ZAINUREN MOHD. NOR berbual dengan pelajar Kolej Vokasional Sungai Petani 1, Nurul Fatin Atikah Mohd. Zuljabar (tiga dari kiri) dan Siti Sarah Mohd. Samsuri (kanan) serta pelajar Kolej Vokasional Wakaf Tembusu, Siti Nur Syamiza Azur Ahmad ketika ditemui di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Roszida Othman (dua dari kiri) dan Che Noorliati Said (dua dari kanan).

Malaysia baru-baru ini.

Mengambil contoh kejayaan pelajar rintis di Kolej Vokasional Sungai Petani 1 (KVSP1) yang berjaya ditawarkan pekerjaan oleh industri, katanya, sebanyak 45 daripada 64 orang pelajar kolej tersebut yang mengambil program Diploma Teknologi Kimpalan telah berjaya ditawarkan pekerjaan biar pun masih belum tamat pengajian.

"Ini menunjukkan produk dari pada Kolej Vokasional mampu melahirkan tenaga kerja mahir atau separuh mahir bagi keperluan industri di luar sana."

"Sasaran kita ialah sebanyak 80 peratus pelajar-pelajar ini dapat memasuki alam pekerjaan selepas menamatkan pengajian manakala bakinya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau mence-

buri bidang keusahawanan," kata-

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Latihan Pendidikan Vokasional (VETA), Roszida Othman berkata, sebagai Institut Kemahiran Swasta di bawah sistem pentaulahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia, akademi itu bertanggungjawab menjalankan latihan kemahiran bersama pensijilan profesional dalam bidang berkaitan.

Jelasnya, pelbagai latihan kemahiran disediakan VETA membabitkan kimpalan, automotif, pemesinan dan keselamatan kerana bidang berkenaan mendapat permintaan tinggi dalam industri.

"Kerjasama VETA dan BPTV menyaksikan akademi ini berperanan sebagai rakan industri di

mana pelajar DVM Kolej Vokasional dalam bidang kimpalan menjalani program peningkatan kemahiran persijilan profesional Lloyd's Register yang memenuhi spesifikasi industri minyak dan gas.

"Lloyd's Register merupakan sebuah badan profesional yang menentukan tahap kompetensi seorang jurukimpal mengikut spesifikasi kelayakan, mereka yang mempunyai sijil ini seterusnya menjadikan mereka mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi dan mudah untuk menembusi industri profesionalisme yang diperlukan," katanya.

Sementara itu, Pengarah KVSP1, Che Noorliati Said berbesar hati apabila kolejnya dipilih sebagai salah sebuah daripada 15 buah Kolej Vokasional rintis untuk terlibat

dalam program transformasi itu.

Pada awalnya, beliau berkata, kolej tersebut hanya menawarkan dua program mekanikal sahaja iaitu Teknologi Kimpalan dan Pemesinan Industri sebelum menambah dua lagi program iaitu Sistem Pengurusan Data dan Aplikasi Web serta Sistem Komputer Rangkaian.

"Pelajar tersebut akan dilatih selama empat tahun dan empat bulan dengan mengikuti Kurikulum Standard Kolej Vokasional. Misalnya bagi program kimpalan pelajar perlu menjalani tempoh pengajian selama dua tahun yang mana mereka akan didekahkan mengenai pengenalan teknologi kimpalan serta amalan tatacara keselamatan, persekitaran dan kesihatan."

"Seterusnya, mereka akan dilatih kemahiran masing-masing iaitu



Pelaksanaan OJT ini semasa empat bulan terakhir merupakan syarat wajib bagi pelajar diploma berkenaan untuk memberi peluang kepada mereka meningkatkan lagi kemahiran sekali gus, merasa sendiri pengalaman berada di alam pekerjaan."

ZAINUREN MOHD. NOR
Pengarah Bahagian Pendidikan
Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan

teknik memotong dan mencanaik serta pendedahan pelbagai lagi perkara berkaitan bidang kimpalan ini," katanya.

Katanya, menerusi program yang diajarkan itu pelajar-pelajarnya bukan sekadar didekah dengan ilmu kemahiran malah, turut diajar dengan mata pelajaran teras lain bagi mendapatkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) iaitu setara dengan tiga kredit Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jelasnya lagi, pelajar lulusan SVM yang layak akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke DVM di Kolej Vokasional serta boleh memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) hingga ke tahap tertinggi iaitu pada Tahap 4.

"Sekarang program ini sudah memasuki tahun kelima dan pelajar yang terlibat dalam program rintis hampir tamat DVM dan menunggu hari konvokesyen sahaja."

"Perkara yang sangat membanggakan saya sebagai guru ialah apabila anak-anak murid ini bukan sahaja berjaya menamatkan pengajian masing-masing tetapi juga telah berjaya diterima bekerja dengan pihak industri dan menerima gaji yang agak lumayan iaitu antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan," katanya.